



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Mesyuarat diadakan pada 7 November 2023 bertempat Bilik Pengarah, Unit Wakaf UTM, Aras 2 Blok R02, UTM yang dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Bin Che Yaacob, selaku Pengarah Unit Wakaf UTM dan En. Mohd. Shaifuddin Bin Mohamad, Penolong Pendaftar Unit Wakaf UTM. Manakala Persatuan Pesara UTM diwakili oleh Yang DiPertua PESUTM, Prof. Emeritus Datuk Dr Ahmad Darus, Saudara Roslan Abdul Ghani, Hj Ismael Samat, Hj. Jamaluddin Harun dan Hj Zainal Abidin Hassan.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr.Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | **Ketua**

Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 7 November 2023

CADANGAN MENYEDIA & MEMBANGUNKAN TANAH PERKUBURAN UTM

Satu mesyuarat bagi membincangkan cadangan menyedia dan membangunkan Tanah Perkuburan UTM telah diadakan antara Unit Wakaf UTM dengan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM. Mesyuarat ini merupakan inisiatif Unit Wakaf UTM bagi melibatkan sama Persatuan Pesara UTM dalam rangka mendapatkan pandangan berhubung rancangan pembangunan ini. Mesyuarat diadakan pada 7 November 2023 bertempat Bilik Pengarah, Unit Wakaf UTM, Aras 2 Blok R02, UTM yang dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Bin Che Yaacob, selaku Pengarah Unit Wakaf UTM dan En. Mohd. Shaifuddin Bin Mohamad, Penolong Pendaftar Unit Wakaf UTM. Manakala Persatuan Pesara UTM (PESUTM) diwakili oleh Yang DiPertua PESUTM, Prof. Emeritus Datuk Dr Ahmad Darus, Saudara Roslan Abdul Ghani, Hj Ismael Samat, Hj. Jamaluddin Harun dan Hj Zainal Abidin Hassan.

Dalam mukadimahnyanya, Pengarah Unit Wakaf UTM antara lain menyentuh perkara asas yang difikirkan sewajarnya Persatuan Pesara UTM tahu dan mengambil maklumnya. Antara perkara yang dimaksudkan ialah:

- Mesyuarat ini diadakan dengan pengharapan tinggi mendapatkan pandangan balas daripada Persatuan Pesara UTM.
- Pihak Universiti telah meluluskan penggabungan Pusat Islam UTM dengan Unit Wakaf UTM.
- Apa jua aktiviti berkaitan wakaf perlu dibawa ke Jawatankuasa Syariah Dana Wakaf UTM dahulu sebelum sebarang tindak lanjut dilakukan.
- Cadangan menyedia dan membangunkan Tanah Perkuburan UTM pernah disampaikan ke pengetahuan Exco dan juga Timbalan Mufti Majlis Agama Islam Johor respon yang diberikan bahawa tanah perkuburan itu perlu terlebih dahulu diwakafkan kalau tak statusnya tidak sah.

- UTM telah mewakaf tanah seluas 3.5 ekar bagi manfaat membangunkan taska, tadika, sekolah dewasa dan perkuburan. Usaha tengah diambil bagi menyemak semula pelan lakar pembangunan.

- Unit Wakaf turut memaklumkan hingga kini kutipan wakaf berjumlah RM2.6 juta dan grant kerajaan RM9.0 juta.

Ucapan balas Yang DiPertua bahawa PESUTM berpendirian sesi ini merupakan forum terbaik dalam memulakan langkah PESUTM menjalin kerjasama berkesan dengan unit/bahagian dalam Universiti dan upaya menjadikan persatuan lebih visible kepada Universiti.

- PESUTM menyokong penuh cadangan Unit Wakaf UTM dan Universiti menyediakan dan membangunkan Tanah Perkuburan UTM dalam kawasan kampus atau di kawasan sekitar.
- Ahli Pesara bernombor keahlian 0023 dalam Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-12 yang diadakan pada 19 Mac 2023 bertempat di Dewan Astana, Kolej Tuanku Canselor UTM Johor Bahru mengusulkan perlu UTM membangunkan Tanah Perkuburan.

- Mencadangkan supaya Unit Wakaf UTM memberi perhatian sebaiknya usaha menggembelngkan pengalaman staf dengan pesara dalam menghasilkan perancangan tanah perkuburan yang baik dan boleh dicontohi oleh pihak luar.

- Sebelum ini telah ada projek dan program Unit Wakaf UTM yang telah ditawarkan kepada warga pesara secara kerjasama.

- Yang Dipertua PESUTM mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengarah Unit Wakaf UTM dan staf kerana membuka ruang kerjasama kepada PESUTM.

Pada dasarnya mesyuarat bersetuju bahawa Tanah Perkuburan UTM yang bakal disedia dan dibangunkan tidak sahaja kemudahan itu dibataskan kepada staf UTM dan pesara UTM sahaja sebaliknya di buka kepada masyarakat luar. Lanjutan pandangan ini dicadangkan supaya Universiti memohon tanah kepada kerajaan Negeri Johor, sekalipun UTM ada mewakafkan tanah.

Selain itu, Persatuan Pesara UTM bersetuju dengan cadangan supaya PESUTM mencadangkan konsep wakaf yang berkait dengan pesara dan kepakaran ilmu.

PESUTM dan Unit Wakaf UTM juga bersetuju supaya pesara dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti berkaitan wakaf Universiti.

